

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## PREMIS MENJUAL ALAT PERANTI TEKNOLOGI PENSTRIMAN DISERBU PENGUAT KUASA KPDNHEP

**PUTRAJAYA, 21 September 2022** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melakukan serbuan ke atas dua (2) buah premis berasingan yang terletak di dalam sebuah pusat membeli-belah di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur yang menjual alat teknologi penstriman (*android box*) pada 15 September 2022.

2. Serbuan yang bermula pada jam 1.30 petang dengan kekuatan seramai tujuh (7) anggota penguat kuasa KPDNHEP Putrajaya dilakukan hasil daripada maklumat pemilik hak cipta serta risikan awal yang telah dilakukan oleh pihak KPDNHEP selama beberapa hari sebelum itu.

3. Hasil pemeriksaan lanjut ke atas dua (2) premis terbabit, pihak KPDNHEP telah merampas sebanyak 11 unit alat teknologi penstriman berserta dokumen yang berkaitan yang disyaki mengandungi karya hak cipta yang dituntut haknya oleh pemilik hakcipta yang membuat aduan kepada Kementerian dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM 7,500.00.

4. Pasukan serbuan juga telah bertindak menahan dua (2) individu lelaki warganegara tempatan berumur lingkungan 20-an yang mengaku sebagai pemilik dan pekerja di premis yang terbabit untuk siasatan lanjut kerana

disyaki melakukan kesalahan di bawah seksyen 43AA Akta Hak Cipta 1987 iaitu melakukan pelanggaran hak cipta dalam apa-apa karya dengan menjual suatu teknologi penstriman.

5. Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM 10 000.00 dan tidak melebihi RM 200,000.00 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya.

6. Pihak KPDNHEP telah menambahbaik Akta Hak Cipta 1987 melalui pindaan kepada Akta Hak Cipta (Pindaan) 2022 yang telah berkuatkuasa mulai 18 Mac 2022 lalu. Ia memberi penekanan dalam usaha pihak Kementerian untuk membanteras pelanggaran hak cipta secara dalam talian atau cetak rompak digital ini dengan lebih berkesan.

7. Pihak Kementerian ingin mengingatkan kepada semua peniaga agar tidak menjual alat teknologi penstriman seumpama ini. Tindakan penguatkuasaan serta pemantauan yang berterusan dan tegas akan dilakukan oleh pihak Kementerian kerana alat teknologi penstriman ini berupaya untuk melakukan pelanggaran hak cipta dalam apa-apa karya hak cipta yang dilindungi.

8. Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung salah laku peniaga berhubung perkara ini boleh menyalurkan aduan yang lengkap kepada pihak Kementerian melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000
- ii. Portal Aduan; e-aduan.kpdnhep.gov.my
- iii. Call Centre 1-800-886-800
- iv. Emel e-aduan@kpdnhep.gov.my
- v. Ez ADU KPDNHEP

**Azman bin Adam**  
**Ketua Pengarah Penguat Kuasa**  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna,

**PUTRAJAYA, 21 September 2022**

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran. Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampunkan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapkan dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan niaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

